

18 DEC 1996

Sorotan Akhir Tahun

TAHUN BONUS BAGI PERKHIDMATAN DIPLOMATIK

Oleh: E. SIVABALAN

KUALA LUMPUR: Dengan seorang pemimpin yang tidak mengenali erti penat, Malaysia terus menonjol dan diiktiraf di pentas antarabangsa pada tahun 1996, ditambah pula dengan perlantikan seorang warga Malaysia sebagai Presiden Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pemilihan sebulat suara Tan Sri Razali Ismail sebagai Presiden sesi ke-51 Perhimpunan Agung PBB di New York pada 17 September yang lalu mungkin merupakan pencapaian tertinggi Malaysia bagi tahun ini dan satu kejayaan yang penuh bersejarah.

Lengkap berbaju Melayu dan bersongkok, Razali menaikkan martabat Bahasa Melayu di Perhimpunan Agung itu apabila beliau membuat ucapan pembukaannya dalam bahasa tersebut.

Pemilihan Razali membuktikan bukan sahaja kedudukan negara yang begitu tinggi di arena antarabangsa, tetapi juga pengiktirafan usaha Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menegakkan keadilan dan keamanan dalam pelbagai isu sejagat.

Kerajaan Kuala Lumpur sentiasa percaya bahawa PBB adalah satu forum yang tepat bagi negara-negara ketiga untuk melindungi hak dan sumber pendapatan mereka.

Badan dunia itu juga merupakan tempat untuk negara-negara membangun menyuarakan pandangan masing-masing. Dalam hubungan itu, kejayaan menduduki tempat teratas adalah satu bonus untuk Malaysia.

Sehari sebelum Razali dipilih memegang jawatan tersebut, Datuk Abdul Halim Ali yang belum pun panas menduduki kerusi Ketua Setiausaha Kementerian Luar, memberikan satu lagi bonus kepada perkhidmatan diplomatik dengan dinaikkan pangkat sebagai Ketua Setiausaha Negara, jawatan tertinggi dalam perkhidmatan awam. Halim hanya memegang jawatan di Wisma Putra itu selama tiga minggu.

Perlantikan Halim membuktikan betapa Dr. Mahathir mahu perkhidmatan awam diketuai oleh seorang yang berpengalaman dalam perhubungan antarabangsa selaras dengan era globalisasi.

Tahun ini juga adalah tahun persaraan bagi Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar yang kini menjadi Wakil Khas Perdana Menteri.

Bagi Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi pula, 1996 adalah tahun yang amat bertuah baginya kerana dipilih sebagai Naib Presiden UMNO pada pemilihan parti Oktober lalu sungguhpun jadual kunjungannya ke seberang lautnya amat padat.

Malaysia juga mempunyai peranan di peringkat antarabangsa apabila menjadi Pengerusi beberapa kumpulan antarabangsa, antaranya Kumpulan Negara-negara Membangun (G-15) dan Asean.

Kuala Lumpur bersiap sedia untuk menjadi tuanrumah mesyuarat dua kumpulan tahun depan, khususnya Asean yang akan menyambut ulangtahunnya yang ke 30 pada bulan September.

Tahun 1996 juga adalah titik permulaan dalam rundingan yang berlarutan antara Malaysia dengan Indonesia berhubung tuntutan dua kepulauan, iaitu Pulau Ligitan dan Sipadan. Kedua-dua negara bersetuju untuk merujuk pertikaian itu kepada Mahkamah Keadilan Antarabangsa untuk diputuskan.

Hubungan Malaysia dengan jiran terdekatnya, Singapura, bagaimanapun menghadapi dugaan.

Kenyataan oleh Menteri Kanan Republik itu, Lee Kuan Yew, bahawa meritokrasi perlu wujud di Malaysia jika Singapura menyertai semula

Malaysia pada masa depan, mencetuskan ketegangan dalam hubungan dua hala.

Mengenai perkembangan dalam negeri pula, kakitangan ruang legar Bilik Bunga Raya di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah dan Wisma Putra sibuk sepanjang tahun kerana tidak henti-henti dikunjungi pelawat penting dari luar negeri.

Permaidani merah dihampar untuk menyambut kedatangan seorang Raja, seorang Putera Raja, Presiden dan Perdana Menteri. Seramai 16 ketua kerajaan melawat Malaysia sepanjang tahun ini.

Pelawat pertama tahun ini ialah Perdana Menteri Australia ketika itu, Paul Keating pada 15 Januari lalu diikuti oleh Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien beberapa hari kemudian.

Kunjungan Chretien disusuli pula oleh Raja Carl Gustaf dari Sweden, Perdana Menteri Pertama Kemboja, Norodom Ranariddh; Perdana Menteri Papua New Guinea, Julius Chan dan Presiden Kazakhstan, Nursultan Nazarbayev.

Pemimpin-pemimpin lain ialah Presiden Uruguay, Dr. Julio Maria Sanguinetti; Perdana Menteri Fiji, Sitiveni Rabuka, Jeneral Tan Shwe dari Myanmar; Presiden Argentina, Carlos Menem; Presiden Malawi, Bakili Muluzi; Presiden Suharto dari Indonesia; Presiden Peru, Alberto Fujimori dan Presiden Korea Selatan, Kim Young Sam.

Tahun ini juga terbukti sebagai satu lagi tahun yang sibuk bagi Dr. Mahathir. Beliau melawat 25 negara dari sejauh-jauh negara seperti Trinidad dan Tobago di kawasan Caribbean hinggalah ke negara jiran, Brunei.

Dr. Mahathir ternyata meninggalkan kesan yang mendalam dan berkekalan kepada pemimpin-pemimpin lain di dunia setiap kali beliau berkunjung ke negara lain.

Malah, wajahnya muncul sebagai "cover story" atau berita utama majalah Time, iaitu majalah berita antarabangsa yang diterbit di Amerika Syarikat yang mempunyai lima juta pembaca di seluruh dunia. Time memuatkan laporan 10 muka mengenai Malaysia dalam edisi Disember 9. Menurut laporan, semua 29,000 naskhah edisi berkenaan yang diedarkan di Malaysia habis dijual.

Seperti biasa Dr Mahathir banyak membuat lawatan ke luar negara. Lawatan pertamanya tahun ini ialah ke Thailand kerana menghadiri mesyuarat Asia-Eropah yang pertama (ASEM), diikuti dengan kunjungan ke Vietnam, New China, Portugal, Guinea, Ghana, Trinidad dan Tobago, Belanda dan Arab Saudi.

Semasa di Amerika Syarikat, beliau juga mengadakan perbincangan dengan Presiden Bill Clinton dan apabila berada di Peranchis, beliau turut berbincang dengan Presiden Jacques Chirac.

Selain ASEM, Perdana Menteri juga menghadiri beberapa mesyuarat antarabangsa yang lain seperti Sidang Kemuncak Solar Sedunia dan Sidang Kemuncak G-15 di Zimbabwe; sidang kemuncak tidak rasmi Forum Kerjasama Asia Pasifik (APEC) dan sidang kemuncak tidak rasmi ASEAN di Jakarta.

Beliau juga menyaksikan pelancaran satelit kedua Malaysia, MEASAT II, di Kourou, French Guiana.

Dalam ucapan-ucapannya, Dr. Mahathir sentiasa mengingatkan negara-negara maju bahawa mereka tidak boleh menggunakan taktik paksaan untuk mengenakan peraturan dagangan ke atas negara lain sebaliknya hendaklah mencapai persetujuan melalui rundingan di samping mengambil kira perlbagai tahap pembangunan ekonomi di kalangan negara-negara terbabit.

Kuala Lumpur juga menjadi tuanrumah pelbagai mesyuarat serantau seperti Persidangan Para Menteri Undang-Undang Komanwel, Mesyuarat Kerjasama Pembangunan Lembah Mekong-ASEAN dan pertandingan tahunan tilawah Al-Quran peringkat antarabangsa.

Jelas, tahun 1996 adalah Tahun Wisma Putra! -- Bernama